

Orang Islam Yang Terkemuka

Aliran Fahaman Mu'tazilah dan Ahlul Sunnah

(II)

“Al-Asy'ārī yang semasa kecilnya mendapat didikan Ahlul Sunnah yang kukuh, setelah itu dengan tidak gentar masuk menyelami pelajaran dan fahaman-fahaman Mu'tazilah, sampai menjadi seorang penganjur dan pembela yang amat tangkas...” demikian Tuan Muhammad Natsir menghuraikan lebih lanjut dalam karangannya ini, sebagai sambungan makalahnya yang lalu – P – Q.

(Oleh: Muhammad Natsir)

Teori undang-undang alam dari Abū al-Hadhīl ini boleh dikatakan suatu teori yang pada umumnya bertemu di kalangan Mu'tazilah. Nanti setelah beberapa lama sesudah itu bertemulah fahaman yang semacam ini kembali kepada filsuf Ibnu al-Tufayl, yang digubahnya menjadi satu “cerita” falsafah yang bernama “Hayy Bin Yaqzān” itu.

Baik pula kita peringatkan di sini, bahawa fahaman ini berkesan pula dalam berbagai-bagai fahaman filsuf-filsuf Barat seperti teori “hukum alam” yang dikemukakan oleh J. J. Rousseau dalam teori pendidikannya.*

* Simpulan dan natijahnya teori ini ialah: kalau seseorang melanggar salah satu perbuatan atau membuat satu kesalahan tak usah ia diberi hukuman, sebab undang-undang alam sendiri akan memberi hukuman atas dirinya. Seorang anak yang bersalah umpamanya, biarkanlah ia beberapa jam seorang dirinya, nanti dia akan berfikir dan menginsafi sendiri akan kesalahannya. Seorang anak yang bermain pisau tak usah dilarang, nanti dia akan insaf sendiri bila mendapat luka. Pembaca tentu akan merasa bahawa teori ini, kalau dilakukan dengan bertaklid buta, banyak bahayanya. Tetapi masalah ini sekarang bukan pada tempatnya kita perkatakan di sini.

VI

Hadis-hadis yang berhubung dengan yang ghaib.

Umat awas, teliti dan kritis pula Abū al-Hadhīl terhadap hadis dan rawi-rawinya yang berhubung dengan masalah aqidah, yakni yang tak dapat diperiksa dengan pancaindera dan akal kita. Barisan rawi yang tak putus-putus – katanya – walaupun panjang sekalipun, tidak menjadi jaminan atas kebenaran isinya hadis tersebut. Tidak mustahil, bahawa satu orang sahaja di antara mereka itu yang berdusta atau tersalah waktu menerima dan waktu meriwayatkan hadis itu. dan oleh kerana tidak seorang pun di antara mereka itu yang boleh dijamin bersifat bersih dari kesalahan-kesalahan, maka tidaklah boleh hadis yang demikian itu sahaja dijadikan alasan yang kuat dalam urusan-urusan iktikad (Al-Shahristānī: Ed. Cureton muka 36)

Sekarang, marilah kita berpindah dari Abū al-Hadhīl kepada seorang filsuf Mu'tazilah yang kenamaan pula, iaitu

Ibrāhīm bin Siyār al-Nizām

Ia seorang ahli hujah (dialecticus) yang terkenal di bandar Basrah. Pidato-pidato dan ajaran-ajarannya amat digemari oleh Khalifah al-Ma'mūn yang seringkali memanggilnya ke istana bersama-sama dengan ulama dari lain-lain mazhab. Di sinilah ia mendapat kesempatan untuk membangkitkan kegemaran orang ramai kepada pertukaran hujah yang membukakan fikiran.

Al-Shahristānī meriwayatkan bahawa al-Nizām banyak sekali membaca kitab-kitab falsafah Yunani. Dalam pada itu harus tak dilupakan, bahawa terjemahan yang lebih sempurna dari kitab-kitab filsuf Yunani itu baharu ada pada zaman "Al-Farābī" di permulaan kurun yang keempat hijrah.

VII

Physisch Determinisme

Sebagai ulama Mu'tazilah yang lain-lain, al-Nizām pun tidak kurang pula memperbincangkan masalah keadilan Tuhan, qadāq dan qadar, dan lain-lain yang berhubung dengan itu.

Satu kaedah yang mukhtazī' (ciptaan – P) yang dikemukakan oleh al-Nizām ialah tentang gerak-geri perubahan atau laku-laku yang ada dalam alam. Tidaklah ada, menurut pendapatnya, satu perbuatan yang bersifat merdeka dalam alam ini selain dari perbuatan manusia.

Selain dari itu, semuanya berlaku menurut undang-undang yang sudah tertentu. Sebuah batu yang dilemparkan ke atas (ke udara) merdeka (dari undang-undang alam) yang datang dari tangan manusia; setelah itu, setelah dorongan itu habis terpakai, kembalilah batu ke tempat yang ditentukan oleh kekuatan alam yang ada dalam hakikatnya.

Kaedah ini dikenal orang sekarang dengan nama Physisch Determinisme.

Dan sudah ada pula dalam pandangan al-Nizām, bahawa

tiap-tiap barang "mādah" (benda – P) itu mungkin dibelah dan cipecah sampai kepada bahagian yang sekecil-kecilnya, hingga tidak berkeputusan. Buah fikiran yang beginilah yang terdapat dalam ilmu alam moden sekarang, yang membawa ahli ilmu fizik kepada yang dinamakan sekarang teori molekul, ion atom dan elektron.

VIII

Quran, Makhluqkah atau Tidak?

Dalam zaman al-Nizām ini pula, yakni dalam permulaan abad yang ketiga hijrah, timbullah masalah: "Quran makhluqkah atau tidak" yang menerbitkan pertentangan yang hebat pula. Khalifah al-Ma'mūn turut campur dalam pertentangan itu. Ia masuk kepada golongan yang mempertahankan faham kaum Mu'tazilah dalam masalah ini. Kesimpulan pendiriannya ialah: Allah bersifat Kalām. Sebagai sifat Tuhan yang Qadīm, sudah tentu Kalām itu juga Qadīm. Adapun Quran sebagaimana yang ada pada kita sekarang ini, ialah bekasnya dari sifat Kalām itu, sebagaimana alam ini adalah bekas dari sifat Tuhan yang bernama Qudrah. Quran yang ada pada sisi kaum Muslimin sekarang ini sebagai bekas sifat Tuhan, tentu bukan Qadīm, tetapi makhluk. Hanya sifat Allah, yakni Kalām itu sendirilah yang Qadīm.

Adapun golongan yang sebelah lagi berkata: "Quran ialah kalamullah. Allah itu Qadīm. Jadi kalamullah tentu Qadīm pula. Jadi Quran itu Qadīm".

Khalifah al-Ma'mūn bukan sahaja mencampuri perjuangan rohani itu, akan tetapi terang-terang ia mengemukakan keyakinan dan pendiriannya tentang masalah ini, dan dijadikannya satu ketetapan yang rasmi. Malah tidak pula enggan Khalifah al-Ma'mūn menggunakan

kekuasaannya sebagai khalifah untuk melawan aliran faham yang tidak ia setujui dengan tangan besi, sehingga ia tidak dapat “populer” dalam kalangan Ahlul Sunnah waljamaah.

Ibrāhīm bin Siyār al-Nizām mempunyai seorang murid yang meneruskan pekerjaannya dengan cara yang menyebabkan bertambah masyhur nama si guru, yakni:

Amru bin Buhra al-Jahiz

Dia tinggal di Basrah (212H.). Tentang Sheikh Mu'tazilah ini, al-Mas'ūdī berkata antara lain: “Oleh ahli riwayat dan ulama tak dikenal seorang penulis yang begitu lancar penanya dan begitu tajam buah qalamnya seperti al-Jāhiz. Tulisannya mengandungi isi yang baharu-baharu, melampaui lingkungan faham dan pengertian ahli agama yang lazim, dan bahasanya amat memikat hati pembaca serta sentiasa membawakan alasan-alasan yang jelas dan terang. Karangan-karangannya selalu tersusun dengan rapi, teratur dengan cara yang sempurna, dihiasi dengan pelbagai hias dan gubahan yang indah-indah.” Sekian ulasan al-Mas'ūdī atas tulisan al-Jahiz dalam kitabnya Murūj al-Dhahb 33:8.

Amat besar pula rupanya pengaruh al-Jahiz atas lain-lain pujangga dalam zamannya. Dialah salah satu dari orang-orang yang mengembangkan pengaruh kemerdekaan fikiran dan iktikad dalam lingkungan mazhabnya. Falsafahnya pun tidak pula kurang membuktikan ketajaman otak dan keluasan pandangannya.

Kupasan Ilmu dan Kemahuan (Irādah)

Antara lain al-Jāhiz berkata: “Tidak ada kemerdekaan yang sebenar-benar kemerdekaan dalam ilmu manusia. Ilmu itu terbit dan mengalir dari satu kemestian menurut undang-undang alam. Kemahuan (Irādah), tidak

lain daripada satu macam kelahiran dari ilmu. Satu perbuatan yang diterbitkan oleh satu kemahuan, yang sebenarnya ialah satu perbuatan yang diketahui dan disadari oleh yang melakukannya sendiri. Adapun satu kemahuan yang bergantung kepada satu perbuatan yang di luar dari diri yang mempunyai kemahuan, tidaklah boleh dinamakan kemahuan yang sejati, melainkan semata-mata satu-satu kecenderungan hati sahaja.”

Sekian sedikit kutipan dari buah qalam pujangga ini. Murid dan pengikut-pengikut dari al-Jāhiz ini membentuk “mazhab” mereka sendiri pula, yang mereka namakan dengan “Al-Jāhiziyah”.

Diriwayatkan pula, bahawa ilmu yang begitu luas dan persediaan yang begitu besar dalam karang mengarang berada pada seseorang yang jasmaninya tidak berpadanan sedikit juga dengan kecantikan dan keindahan titisan rohaninya, yang menarik minat pembaca-pembacanya itu. Khalifah al-Mutawakkil sudah banyak mendengar nama al-Jāhiz dan amat tertarik oleh tulisan-tulisannya, pernah mengundang pujangga ini ke istananya dengan maksud akan dijadikan guru untuk fatwa-fatwanya.

Akan tetapi setelah al-Jāhiz datang mengadap, Khalifah terkejut melihat rupanya yang begitu hodoh, sedikitpun tak tersangka-sangka oleh baginda akan sampai begitu. Setelah bercakap-cakap seketika Khalifah menyuruh al-Jāhiz pulang sahaja kembali, kerana baginda khawatir kalau-kalau nanti putera-puteranya tidak akan boleh tidur melihat rupa guru yang begitu “dahsyat”. Akan tetapi tidak lupa baginda memberi anugerah wang yang selayaknya untuk al-Jāhiz sebagai pengganti kerugian dan pengubat hatinya. (C. Brockelman 1:153).

Begitulah nasibnya – Cyrano de Bergerac dari Kota Basrah ini...!

Setelah al-Jāhiz meninggal dunia (225H.) datanglah zaman al-Kindī, filsuf Islam pertama yang mengambil lapangan baharu bagi falsafahnya, iaitu falsafah Yunani, yang selama ini sudah diansur-ansur dari sedikit ke sedikit memperhatikannya oleh ulama Mu'tazilah seperti 'Amrū bin Ubayd, Abū al-Hadhīl dan al-Nizām. Lapangan yang baharu ini mempunyai sifat dan tarikh perjalanannya sendiri pula, yang letaknya di luar hal yang kita bicarakan sekarang.

XI

Reaksi Atas Gerakan Mu'tazilah

Antara Guru Dengan Murid Pula

Basrah! Pusat ilmu pengetahuan. Gelanggang perjuangan rohani. Hampir semua percaturan antara mazhab Mu'tazilah dengan Ahlul Sunnah waljamaah telah berlaku dalam lingkungan dinding Kota Basrah.

Belum hilang jejak bekas pekerjaan Ma'bad, Wāsil, Hassan al-Basrī, Abū al-Hadhīl al-'Alāf, al-Jāhiz dan lain-lain, timbullah pula satu mazhab Mu'tazilah yang masyhur bernama "Al-Jabā'iyah".

Al-Jabā'ī mempunyai seorang murid yang amat tajam otaknya, tangkas pula bermujadalah (berbahas – P.), berasal dari satu famili bangsawan dan menjawat pangkat tinggi dalam pemerintah negeri. Menurut riwayat, dia keturunan dari sahabat Nabi yang masyhur: Abū Mūsā al-Ash'arī. Oleh itu ia bernama Abū al-Hassan 'Alī bin Isma'il al-Ash'arī.

Pada masa kecilnya Abū al-Hassan mendapat didikan yang sudah ghalibnya diterima oleh anak-anak bangsawan pada masa itu, yakni satu didikan yang keras menurut cara Ahlul Sunnah waljamaah. Akan tetapi kepintaran dan ketangkasan kaum Mu'tazilah membentangkan faham dan iktikad

mereka dan keadaan ulama dari Ahlul Sunnah pada zaman itu masih banyak belum sanggup menangkis serangan-serangan Mu'tazilah dengan senjata akal pula, tidak kurang memberi bekas atas pemuda yang tajam otak dan halus perasaan ini. Kesudahannya ia mengambil keputusan masuk mempelajari pemandangan dan faham-faham Mu'tazilah dan berguru kepada Sheikh al-Jabā'ī sampai ia berumur 40 tahun.

Diriwayatkan oleh Abu Muhammad al-Hassan bin Musa al-'Askarī: "Al-Ash'arī menjadi murid kepada al-Jabā'ī sampai ia berumur 40 tahun. Ia seorang yang pintar dan mahir dalam perdebatan (perbahasan – P.) dan pertukaran hujah, lebih mahir daripada menulis karangan. Sebaliknya al-Jabā'ī seorang penulis yang lancar. Semua buah fikirannya seakan-akan mengalir sahaja ke hujung penanya. Akan tetapi apabila dalam majlis ada satu pertanyaan yang datang dengan mendadak (dengan serta-merta – P.), seringkali ia berkata kepada muridnya, al-Ash'arī: "Gantikanlah aku!", yakni untuk menjawab pertanyaan, menangkis serangan yang datang.

Sekali peristiwa terjadilah soal jawab antara si murid dengan guru sendiri. Satu pertukaran fikiran yang berakibat besar bagi kehidupan dan pekerjaan al-Ash'arī dan menjadi awal dari satu pergerakan yang menentang faham Mu'tazilah; bukan dengan alat-alat yang biasa akan tetapi dengan senjata-senjata yang dipakai oleh mazhab Mu'tazilah sendiri.

Sebagaimana Wāsil bin 'Aṭā' telah berpisah dari gurunya Hassan al-Basrī dan mendirikan mazhab Mu'tazilah, demikian pula sekarang sesudah pertukaran fikiran itu al-Ash'arī berpisah pula dari al-Jabā'ī, beritazil dari mazhab Mu'tazilah!

Diriwayatkan, bahawa pada suatu ketika bertemulah guru

dan murid di tempat munazarah (di majlis bahas – P.) umum al-Ash'arī memajukan satu masalah kepada al-Jabā'ī:

– “Ditakdirkan ada tiga orang bersaudara, yang seorang beriman, taat dan takwa; yang seorang lagi fasik, berdosa besar dan yang ketiga masih anak kecil yang meninggal dunia sebelum ia baligh. Bagaimanakah nasibnya ketiga orang bersaudara ini di akhirat?”

Al-Jabā'ī menjawab: “Yang pertama akan dimasukkan ke dalam syurga, yang kedua akan dihukum dalam neraka, dan yang ketiga tidak diberi pahala dan tidak diberi hukuman.”

– “Akan tetapi kalau anak ketiga berkata: “Tuhanku, jika sekiranya Engkau biarkan aku hidup, sudah tentu aku akan beriman dan bertakwa pula sebagaimana saudaraku yang tertua, – dan dapatlah pula aku masuk syurga sebagaimana saudaraku itu”. “Bagaimanakah?”

– “Nescaya Tuhan akan berkata: “Aku tahu bahawa jika sekiranya engkau ini diberi hidup lebih lanjut tentu engkau jadi orang fasik dan berdosa besar, dan nescaya engkau akan masuk neraka pula. Oleh kerana itu adalah satu rahmat bagi engkau, dengan keadaan engkau mati sebelum engkau fasik dan berdosa besar itu.”

– “Baik sekarang bagaimanakah kalau orang yang kedua yang mati dalam keadaan fasik itu berkata kepada Tuhan: “Tuhanku, kenapakah tidak Engkau matikan pula aku ini pada waktu aku masih kanak-kanak kecil, supaya aku terhindar pula daripada azab neraka sebagaimana adikku itu?”

Di sini al-Jabā'ī tidak sanggup menjawab lagi, lalu berdiam diri dan al-Ash'arī meninggalkan majlis tersebut dengan rasa kemenangan! Mulai saat itu ia pun berpisah daripada golongan Mu'tazilah. Kata orang yang

meriwayatkan, tiga tahun sesudah itu al-Jabā'ī berpulang ke rahmat Allah.

Begitulah kira-kira bunyi soal jawab antara guru dan murid yang disampaikan ahl al-tārikh kepada kita. Nas perbahadan itu tidak sama bunyinya dalam berbagai-bagai kitab tawarikh, ada yang lebih panjang dan ada pula yang lebih pendek dari itu. Akan tetapi maksudnya itu juga. Bagi kita bukan nas perbahasan yang perlu, bahkan ada atau tidak perbahasan itu sendiri pada saat yang diriwayatkan oleh ahl al-tārikh itupun tidak menjadi pokok dalam urusan ini. Masalah yang dikemukakan oleh al-Ash'arī itu ialah salah satu dari pertanyaan yang mungkin menjadi buah perbincangan orang umumnya pada zaman itu; tetapi masalah yang demikian sifatnya tidak mustahil terbit pula dalam dada mereka yang belum pernah mendengar riwayat Imām Ash'arī sekalipun jua, pada zaman sekarang.

‘Alā kulli hāl, peristiwa ini adalah satu tanda yang menggambarkan satu krisis, satu hujung dari punca kesanggupan akal manusia yang dibawa oleh pertentangan dengan kaum Mu'tazilah di dalam lapangan ilmu ketuhanan.

Sebagaimana telah kita ketahui, mazhab Mu'tazilah adalah terutama menjadi reaksi (kesan balas – P.) atas faham golongan yang bernama “*ṣifātiyyah*”, yang lambat laun menjadi bercabang dan bercarang, sehingga terbit faham-faham yang berbahagi tauhid kaum Muslimin seperti faham-faham tashbih (*anthropomorphisme*) dan sebagainya itu. Sebagai reaksi pertama yang kebiasaannya amat sengit, seperti tiap-tiap reaksi kaum Mu'tazilah memungkiri sama sekali akan adanya sifat Tuhan. Bagaimana perjalanannya pendirian memungkiri sifat Tuhan ini dan perjalanan faham-faham kaum Mu'tazilah sudah sama kita lihat sedikit gambaran dengan ringkas dalam tulisan yang telah lalu.

Maka adalah aliran faham al-Ash'arī suatu bantahan

terhadap sistem yang semata-mata ‘aqliah, sistem rasionalisme yang dibawakan oleh kaum Mu’tazilah itu, yang alam cakerawala seluruhnya, mengira bahawa semua rahsia malah rahsia-rahsia ketuhanan dapat dikupas dengan akal dan diperkatakan dengan buah tuturan manusia.

Al-Ash’arī yang semasa kecilnya mendapat didikan Ahlul Sunnah waljamaah yang kukuh, setelah itu dengan tidak gentarnya masuk menyelami pelajaran dan faham-faham Mu’tazilah, sampai menjadi seorang penganjur dan pembela yang amat tangkas, – sekarang tidak pula gentar sedikit pun juga menghela langkah surut, setelah mendapat keyakinan, bahyawa tidak mungkin mendirikan satu sistem alam ketuhanan yang berdasarkan akal semata-mata. Maka kembalilah ia kepada kalimah Allah dan sunnah rasul sebagai alat yang utama untuk mencapai ilmu-ilmu ketuhanan, sekadar yang diizinkan Allah mengetahuinya bagi manusia sebagai makhluk-Nya.

Tetapi, walaupun bagaimana, pada hakikatnya antara seorang Sunni (Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah – P.) seperti Imām Mālik yang membid’ahkan orang bertanya-tanya mengenai apa yang dimaksudkan dengan “Istiwa’”, dengan seorang Mu’tazilah sebagai al-Jabā’ī yang terpaksa berdiam diri, kerana tidak sanggup menjawab pertanyaan yang berhubung dengan Qudrah dan Irādah Tuhan dengan akalnya semata-mata itu – , antara kedua wakil dari dua aliran ini tidaklah begitu jauh perantaraannya.

Yang satu tidak hendak memakaikan akalnya dalam urusan zat ketuhanan, kerana berpendirian bahawa urusan itu bukanlah satu gelanggang yang mungkin ditempuh oleh akal manusia semata-mata dan kerana merasa

puas dengan ilmu ketuhanan sebagaimana adanya yang termaktub dalam al-Quran dan hadis Nabi (SAW) beserta mengingat lagi kepada amanat Rasulullah: “Berfikirilah kamu tentang makhluk Allah, jangan tentang zat-Nya”.

Yang satu lagi, tidak merasa puas dengan cara menahan aliran akalnya sebelum dicuba lebih dahulu seberapa boleh dan kerana hendak mempergunakan dengan sebaik-baiknya kurnia Tuhan yang berupa akal itu untuk kepentingan keagamaan (bukan dengan niat hendak meruntuhkan iman), – sampai pada saat yang Imām Mālik terpaksa berkata: “Wallāhu a’lam” dan al-Jabā’ī “berdiam diri!”

Hanya sanya, di antara kedua “wakil” ini dan di keliling pengikut-pengikutnya yang banyak yang tidak sampai kepada tingkatan yang telah tercapai oleh kedua ulama ini, ada yang mengharamkan mempergunakan akal sama sekali, dan ada pula yang mengira bahawa tiadalah yang lebih daripada akal sehingga semua lapangan hendak dijajahnya dengan akal, semua hendak disabitkan dan dinafikan dengan akal semata-mata.

Kedua golongan inilah yang hendak “dipertemukan” oleh al-Ash’arī kembali. Selama ini oleh kaum Ahlul Sunnah dicuba-cuba menaklukkan kaum Mu’tazilah dengan menghukumkan mereka kafir, zindik dan lain-lain, akan tetapi sekarang al-Ash’arī berikhtiar menaklukkan mereka dengan senjata mereka sendiri, yakni dengan perjalanan akal pula sebagaimana yang telah berlaku dalam perbahasannya dengan al-Jabā’ī. Sebaliknya tidak kurang pula dia membanteras faham-faham yang berbahaya dari golongan “mushabbihīn” itu.

– Bersambung.